

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 10 Oktober 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

OGOS 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 5.2 peratus pada Ogos 2024

PUTRAJAYA, 10 Oktober 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Ogos 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 5.2 peratus pada Ogos 2024 (35,979 tan metrik) berbanding pada Julai 2024 (37,960 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 14.9 peratus (Ogos 2023: 31,309 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Ogos 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.1%) berbanding sektor estet (11.9%).

Jumlah stok getah asli pada Ogos 2024 menurun 13.7 peratus kepada 127,876 tan metrik berbanding 148,106 tan metrik pada Julai 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.0 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.8%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 57,482 tan metrik pada Ogos 2024, meningkat 19.2 peratus berbanding Julai 2024 (48,204 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 25.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Ogos 2024 diikuti Emiriah Arab Bersatu (20.1%), Jerman (10.1%), Amerika Syarikat (9.6%) dan India (8.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.6 billion pada Ogos 2024, meningkat 14.6 peratus berbanding Julai 2024 (RM1.4 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 2.0 peratus (Ogos 2024: 634.07 sen sekilogram; Julai 2024: 647.23 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 1.0 peratus (Ogos 2024: 664.26 sen sekilogram; Julai 2024: 670.80 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula bercampur-campur meningkat 0.5 peratus dan menurun 2.0 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 5.3 peratus (daripada USD 1.65/kg kepada USD1.74/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 15.9 peratus (daripada USD2.06/kg kepada USD2.39/kg).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Ogos 2024, pasaran getah Kuala Lumpur adalah bercampur-campur dengan pergerakan peningkatan harga. Umumnya, sentimen pasaran disokong oleh keuntungan dalam pasaran niaga hadapan getah serantau berikutan kebimbangan peniaga terhadap gangguan bekalan getah asli akibat ramalan cuaca buruk di negara pengeluar utama. Sentimen pasaran juga dirangsang oleh keyakinan terhadap pemerhatian pemotongan kadar Amerika Syarikat yang menggalakkan ditambah dengan harapan lebih banyak rangsangan daripada China untuk mengekalkan pemulihan ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Ogos 2023, Julai - Ogos 2024
(‘000 tan metrik)



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Ogos 2023, Julai - Ogos 2024
(‘000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:
PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 OKTOBER 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 10th October 2024



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA AUGUST 2024

Malaysia natural rubber production decreased by 5.2 per cent in August 2024

PUTRAJAYA, 10 October 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, August 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 5.2 per cent in August 2024 (35,979 tonnes) as compared to July 2024 (37,960 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 14.9 per cent (August 2023: 31,309 tonnes). Production of NR in August 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.1%) as compared to estates sector (11.9%).

Total stocks of NR in August 2024 decreased by 13.7 per cent to 127,876 tonnes as compared to 148,106 tonnes in July 2024. Rubber processors factory contributed 88.0 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.8%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 57,482 tonnes in August 2024, increased 19.2 per cent as against July 2024 (48,204 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 25.8 per cent of total exports in August 2024 followed by the United Arab Emirates (20.1%), Germany (10.1%), the United States of America (9.6%) and India (8.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.6 billion in August 2024, an increase of 14.6 per cent as compared to July 2024 (RM1.4 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 2.0 per cent (August 2024: 634.07 sen per kg; July 2024: 647.23 sen per kg) while Scrap decreased by 1.0 per cent (August 2024: 664.26 sen per kg; July 2024: 670.80 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) was mixed increased 0.5 per cent and decreased 2.0 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 5.3 per cent (from USD1.65/kg to USD1.74/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 15.9 per cent (from USD2.06/kg to USD2.39/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in August 2024, the Kuala Lumpur rubber market was mixed with prices moving upward. Generally, the market sentiment was supported by gains in the regional rubber futures markets amid traders' concern on natural rubber (NR) supply disruption due to inclement weather forecasts in the major producing countries. Market sentiment was also boosted by optimism of U.S. rate cut tracking U.S. data coupled with hopes of more stimulus from China to sustain economic recovery.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20th October each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber August 2023, July - August 2024
('000 tonnes)**





Chart 2: Imports and exports of natural rubber August 2023, July - August 2024
(‘000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 OCTOBER 2024